

PEMBIAYAAN PENDIDIKAN MELALUI AKAD *IJARAH MAUSUFAH FI ZIMMAH* (PAJAKAN HADAPAN)

Mohd Rofaizal Bin Ibhram¹

Maad Ahmad²

Muhammad Yosef Niteh³

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

ABSTRAK

Terdapat cadangan dari pihak koperasi untuk memberikan pembiayaan pelajar kepada pelajar yang ingin menyambung pelajaran di KUIS. Sebagai kesinambungan perbincangan tersebut penulis mengambil inisiatif membuat tulisan ringkas mengenai ijarah mausufah fi zimmah sebagai cadangan instrumen pembiayaan pendidikan. Ijarah mausufah fi zimmah ialah suatu akad yang berlaku atas penyediaan manfaat atau perkhidmatan samada manfaat tersebut diperolehi dari aset seperti rumah atau manfaat jasa seperti perkhidmatan yang di tawarkan oleh suatu pihak. Islam mengiktiraf manfaat sebagai suatu hak dan aset yang boleh di pindah milikan. Pendidikan merupakan suatu manfaat atau servis yang di tawarkan dengan bayaran tertentu merangkumi pendidikan, penginapan, kemudahan, aktiviti-aktiviti yang di jadikan sebagai kokorikulum pendidikan, serta kemudahan-kemudahan lain yang di pakejkan. Menurut pandangan ulamak silam dan komtemporari manfaat-manfaat ini mempunyai nilai kewangan tersendiri dan diiktiraf sebagai aset yang boleh di kenakan bayaran . Tulisan ini merumuskan bahawa kemudahan pendidikan yang di tawarkan oleh institusi pengajian tinggi boleh di pakejkan (taskik) beserta perincian yang jelas untuk membantu aset yang mempunyai nilai dan permintaan yang menepati ciri-ciri mal dalam Islam.

PENDAHULUAN

1. Pihak KUIS telah didatangi oleh pihak koperasi yang mencadangkan pembiayaan pelajaran kepada pihak yang berminat menyambung pelajaran di KUIS. Cadangan yang di kemukakan ialah pihak pembiaya membeli pakej pendidikan dari KUIS dan menjualnya secara murabahah kepada pelajar.
2. Cadangan awal yang di kemukakan oleh pihak koperasi ialah pembiayaan di berikan berdasarkan konsep “*muqawalah*”. Penulis mengambil inisiatif membuat penulisan ringkas mengenai *ijarah mausufah fi zimmah* sebagai cadangan dan penambahkan kepada cadangan pihak koperasi.
3. Majlis Syariah AAOIFI (Pertubuhan Perakaunan dan Pengauditan Institusi Kewangan Islam) telah merumuskan bahawa *Ijarah mausufah fi zimmah* adalah diharuskan dengan syarat sifat dan spesifikasi *manfa'ah* (usufruct) dinyatakan secara jelas biarpun manfaat sewaan belum dimiliki oleh pemberi sewa.(Al-Ma`ayir al-Syariyyah, ms. 135 (para 3/5))

¹ Pusat Pengajian Teras, KUIS

² Pusat Pengajian Teras, KUIS

³ Pusat Pengajian Teras, KUIS

4. Di Malaysia, Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia, telah memutuskan bahawa kontrak *Ijarah al-zimmah* boleh diaplikasikan dalam produk pembiayaan perumahan.
5. Dalam tulisan ringkas ini, penulis akan menyentuh secara ringkas perkara-perkara berikut:
 - i. Perbincangan fiqhi berkaitan *Ijarah mausufah fi zimmah*
 - ii. Contoh dan gambaran ijarah mausufah fi zimmah yang menepati penawaran servis zaman sekarang
 - iii. Manfaat dalam ijarah mausufah fi zimmah adalah asset yang mempunyai nilai
 - iv. Aplikasi konsep ijarah mausufah fi zimmah sebagai instrument pembiayaan pendidikan.

MEMAHAMI IJARAH MAUSUFAH FI ZIMMAH

Ijarah merupakan akad yang dilakukan untuk mendapatkan manfaat. *Ijarah mausufah fi zimmah* ialah suatu akad yang berlaku atas penyediaan manfaat atau perkhidmatan yang disifatkan jenis dan bentuk perkhidmatan tersebut dalam liabiliti atau *zimmah* pihak yang menyediakan perkhidmatan tersebut. Menurut hukum muamalat Islam pihak yang menyewakan aset diistilahkan sebagai "*mu'ajjir*", penyewa sebagai "*musta'jir*", benda yang disewakan sebagai "*ma'jur*", upah atau imbalan sebagai "*ujrah*". Akad ijarah di langgunkan sebagaimana akad lain. Apabila akad ijarah termeterai *mu'ajjir* berkewajipan menyerahkan *ma'jur* kepada *musta'jir* dan *musta'jir* berkewajipan menyerahkan *ujrah*. *Zimmah* atau *liabiliti* yang berkait dengan ijarah dari kategori ini ialah kerana manfaat aset berkait rapat dengan tanggungan *muajjir* bukannya dikaitkan dengan aset itu sendiri dan manfaatnya terjamin kerana *muajjir* memberi jaminan untuk menyediakan manfaat tersebut. manfaat juga tidak semestinya dimiliki oleh *muajjir* pada masa akad berlaku kerana manfaat berada dalam jaminan *muajjir* dengan syarat *muajjir* mampu menyerahkan manfaat tersebut pada waktu yang dipersetujui.

Terdapat dua jenis manfaat menurut fiqh muamalat iaitu manfaat yang diperolehi dari aset atau benda seperti rumah untuk di diami dan manfaat jasa seperti pekerjaan atau perkhidmatan yang di tawarkan oleh suatu pihak. Pekerjaan merupakan perbuatan yang di hasilkan oleh seseorang samada di hasilkan oleh anggota tubuh badan, lidah atau pemikiran dan inilah yang di sebut sebagai *mausufah fi zimmah*. (*al-Qamus al-muhid, lisan*

al-'arab, al-mu'jamm al-wasid subjek (عمل)). Akad *ijarah mausufah fi zimmah* berlaku ke atas khidmat, manfaat atau servis dan bukan ke atas pihak yang menawarkan khidmat atau servis tersebut dan sekiranya terdapat syarat yang menetapkan bahawa hanya individu tertentu yang perlu melaksanakan pekerjaan atau servis tersebut maka akad *ijarah mausufah fi zimmah* menjadi batal. (*Al-Nawawi, raudhah al-tholibin, Tuhfah al-muhtaj fi syarh al-minhaj*). Akad menjadi batal kerana menurut mazhab al-Syafie *ijarah mausufah fi zimmah* mengambil hukum akad *bai salam* iaitu secara tempahan. Sebagaimana pandangan kebanyakan ulamak mereka berpandangan bahawa *ijarah mausufah fi zimmah* merupakan *bai' al-salam*. *Bai' al-salam* ialah jual beli barang yang disifatkan dengan kriteria atau spek tertentu dalam liabiliti penjual. *Ijarah mausufah fi zimmah* ialah menjual manfaat atau servis secara tempahan iaitu servis atau manfaat di serahkan pada masa akan datang sebagaimana *bai al-salam*. Dalam akad salam penentuan subjek kontrak secara khusus adalah tidak di benarkan kerana yang di bolehkan ialah menentukan sifat-sifat barang yang hendak di beli. Dalam *ijarah mausufah fi zimmah* manfaat ijarah tidak semestinya dimiliki

oleh muajjir semasa berlakunya akad dengan syarat *muajjir* mampu menyerahkan manfaat tersebut sebagaimana yang dipersetujui

Al-Khatib Al-Sharbiniy dalam kitab *Mughni al-Muhtaj*, Al-Nawawi dalam *Raudah al-Talibin* dan Al-Juzairi dalam *Kitab al-Fiqh `ala al-Mazahib al-Arba`ah* mengklasifikasikan *ijarah* kepada dua bahagian iaitu *Ijarah* ke atas manfaat yang boleh didapati secara terus daripada aset sedia ada atau *ijarah* ke atas manfaat yang boleh didapati menerusi tanggungan (*zimmah*) seperti menyewa haiwan yang belum wujud untuk kegunaan yang dijelaskan sifatnya yang menjadi tanggungan satu pihak untuk menyediakannya. (Al-Mawsu`ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah, 2004, j. 1, h. 259.)

Ijarah Mausufah fi zimmah merupakan *forward ijarah* (Badr al-Hasan al-Qasimi). *Forward ijarah* bermaksud servis atau manfaat *ijarah* berada dalam liabiliti pihak yang menyediakan servis atau perkhidmatan seperti tukang jahit yang bertanggungjawab menyiapkan pekerjaannya menjahit baju dengan spesifikasi jahitan yang telah di persetujui. Servis atau manfaat tersebut adalah bersifat *forward* iaitu di lakukan pada masa hadapan dan berada dalam liabiliti pemberi servis (*service provider*) sehinggalah pekerjaan atau servis tersebut di sempurnakan. *Ijarah mausufah fi zimmah* di ertikan juga sebagai *ijarah al-ashkhas*.

GAMBARAN DAN BENTUK IJARAH MAUSUFAH FI ZIMMAH

Ulamak berbeza pandangan mengenai keharusan *ijarah mausufah fi zimmah*. Berbeza dengan ulamak yang mengharuskan, ulama Hanafiyyah berpendapat bahawa akad *ijarah maushufah fi zimmah* adalah akad yang dilarang kerana menurut mereka manfaat atau servis yang menjadi subjek dalam akad *ijarah* perlu ditentukan pada saat akad atau perjanjian dilakukan. Ulamak Malikiyyah, Syafi`iyyah, dan Hanabilah membolehkan akad *ijarah maushufah fi zimmah* kerana menurut mereka *ijarah maushufah fi zimmah* ini adalah bahagian dari bentuk akad jual-beli *salam* atas manfaat.

Contoh *Ijarah mausufah fi zimmah* ialah seperti perjanjian yang di sepakati antara dua orang atau lebih untuk mendapatkan seseorang yang akan mengajar bidang tertentu. Bayaran pula di tentukan samada di bayar setiap bulan, tahun atau minggu berdasarkan persetujuan antara pihak-pihak yang berakad.

Kata Imam al-Nawawi “*ijarah mausufah fi zimmah* ialah seperti menyewa haiwan untuk di tunggang atau membawa barangan atau mengupah seseorang untuk menjahit pakaian atau membina binaan.”(Al-Nawawi, Al-raudhah) .

Al-Minhaji al-Asyuti al-Syafie’ membawakan contoh yang begitu terperinci mengenai *ijarah mausufah fi zimmah* sebagaimana yang berlaku pada zaman beliau.

Kata beliau “Seseorang menawarkan perkhidmatan untuk membawa seorang lelaki beserta isterinya dengan sepasang pakaian perempuan yang di lapik dengan sejenis kain tebal (untuk menunaikan haji).....dan memperincikan barang-barang yang di bawa bersama mereka yang terdiri daripada pengusung-pengusung, barang-barang keperluan seperti besen mandi, haiwan kenderaan, kain, peralatan, bekalan dan air serta sukatananya, dan disebutkan juga khemah serta alat-alat memasak, kambing-kambing yang digunakan untuk membawa barangan, periuk, hamba perempuan, tungku memasak, minyak, pakaian yang boleh menahan panas dan sejuk, loceng yang di pakaikan di tengkuk kambing.....di

sebutkan perjalanan dari suatu tempat ke suatu tempat.....juga barangan yang akan di bawa bersama ketika pulang seperti tamar serta hadiah-hadiah atau buah tangan dengan memperincikan sukatan dan timbangan dan bayaran di lakukan di hadapan saksi. Upah boleh di lewatkan atau disegerakan... (Jawahir al-uqud wa mu'in al-qada' wal al-muwaqqi'in wa al-syuhud 1996 dar al-kutub al-ilmiyah Beirut)

Rumusannya ialah manfaat ijarah mestilah ditentukan spesifikasinya samada dari sudut jenis, sifat, jumlah, tempoh mula dan akhir, nilai dan harga. Penentuan sebegini perlu kerana dalam akad ijarah mausufah fi zimmah manfaat atau servis yang di tawarkan berkemungkinan besar mengandungi pelbagai elemen dan manfaat-manfaat lain yang di pakejkan bersama seperti pakej menunaikan haji sebagaimana contoh yang telah lalu. Sekiranya penerangan mengenai manfaat tersebut tidak mencukupi, ia akan membawa kepada perselisihan.. Oleh yang demikian, spesifikasi terhadap manfaat yang terperinci dalam *Ijarah al-Dhimmah* diperlukan sebagai memenuhi syarat sah iaitu aset tersebut mesti diketahui.

PEMBAYARAN UJRAH DALAM AKAD IJARAH MAUSUFAH FI ZIMMAH

Menurut mazhab Maliki *ujrah* dalam akad *al-Ijarah al-Mausufah fi al-Dzimmah* tidak boleh di tangguhkan agar terhindar dari jual-beli hutang dengan hutang (بيع الكالى بالكالى) (*Hasyiyah al-Dusuqi 'ala al-Syarh al-Kabir* (12/336), *Syarh Muntaha al-Iradat* (2/252), *Asna al-Mathalib* (2), dan *Bidayah al-Mujtahid* (2/182) Ibn Rusyd). Sebagaimana mazhab Maliki ulamak Syafieyyah juga berpandangan bahawa *ujrah* dalam akad *al-Ijarah al-Maushufah fi al-Dzimmah* perlu dibayar dalam majlis akad sebagaimana dalam akad jual-beli salam. Para ulamak al-Syafieyyah mengharuskan *ijarah mausufah fi zimmah* berdasarkan qias atas akad *al-bai'*. Dalam akad *al-bai'* barang yang di jual sama ada wujud pada masa berlaku akad atau hanya di sifatkan dalam liabiliti penjual seperti *bai' al-salam*. *Ijarah mausufah fi zimmah* mengambil hukum *bai' al-salam* kerana dalam kedua-dua akad ini berbentuk pesanan dan oleh itu pembayaran tidak boleh di lewatkan.. (*Syarh Muntaha al-Iradat* (2/360) dan kitab *Tuhfat al-Muhtaj Syarh al-Minhaj*).

Pandangan ulamak hanabilah agak berbeza apabila tidak mensyaratkan upah di bayar di awal akad. Muhammad Sa'id al-Buthi dalam kertas kerja beliau yang berjudul "*al-Ijarah al-Maushufah fi al-zimmah*" yang di bentangkan dalam Mukhtamar Kewangan Bank di Bahrain tahun 2007, berpendapat bahawa *ujrah* dalam akad *al-Ijarah al-Maushufah fi al-zimmah* wajib dibayar dalam majlis akad sebagaimana akad jual-beli salam. Syeikh Abd al-Sattar Abu Ghuddah berpendapat bahawa pembayaran *ujrah* dalam akad *al-Ijarah al-Maushufah fi al-zimmah* boleh dilewatkan walaupun dalam perjanjiannya menggunakan kata jual-beli salam. Menurut syeikh Nazih Hammad, pembayaran *ujrah* dalam akad *al-Ijarah al-Maushufah fi al-zimmah* boleh di lewatkan apabila menggunakan lafaz ijarah, bukan lafaz *salam* sebagaimana satu pendapat dalam mazhab al-Syafei'. (*Raudhah al-tholibin, al-minhaj wa syarh al-muhalla ma'a hasyiyatai qalyubi wa umairah*) . Syeikh Dr Ali al-Qaradaghi dalam kertas kerja yang berjudul "*al-Ijarah 'ala Manafi' al-Asykhshah*" yang disampaikan dalam Majlis Fatwa Eropah tahun 2008 di Paris, Perancis, mengharuskan pembayaran *ujrah* dalam akad *al-Ijarah al-Maushufah fi al-Dzimmah* di lewatkan apabila perjanjiannya menggunakan kata *ijarah* dan bayaran mesti di segerakan apabila menggunakan lafaz *salam*.

Ringkasnya ialah para ulamak silam berpandangan tidak harus menangguhkan pembayaran ujarah dalam akad *ijarah mausufah fi zimmah* berbeza dengan pandangan kontemporari. Perbezaan ini boleh dirumuskan sebagai memudahkan urusan mumalah di samping keperluan semasa yang bertepatan dengan amalan perbankan masa kini. Oleh itu ujarah boleh dilakukan secara ansuran atau tunai berdasarkan persetujuan yang di capai oleh pihak yang berakad.

Pandangan yang dipilih oleh AOOIFI ialah pembayaran sewa pendahuluan semasa manfaat tersebut masih dalam liabiliti muajjir adalah tidak disyaratkan (AAOIFI, Al-Ma'ayir al-Syar'iyah, Piawaian no. 9, Al-Ijarah wa al-Ijarah al-Muntahia bi al-Tamlik, perenggan 3/5.)

MANFAAT DALAM AKAD IJARAH MAUSUFAH FI ZIMMAH ADALAH ASET YANG BOLEH BERPINDAH MILIK

Akad ijarah ialah akad *mua'wadha* yang mengikat kedua pihak yang berakad. Akad *mua'wadha* ialah akad lazim iaitu yang mengikat pihak-pihak yang berkontrak lalu tiada siapa di antara mereka yang boleh menarik diri setelah akad ijarah termeterai melainkan dengan izin pihak yang satu lagi. Ibnu Qudamah mengatakan bahawa akad ijarah ialah akad jual beli kerana ia memberikan pemilikan manfaat kepada satu pihak. Menurut Ibnu Qudamah pemilik aset berkuasa melakukan apa sahaja terhadap manfaat yang akan di perolehi dari asetnya sebagaimana dia berkuasa penuh ke atas asetnya dan apabila aset tersebut di sewakan maka penyewa mempunyai hak sepenuhnya ke atas manfaat aset tersebut sebagaimana yang di miliki oleh pemiliknya sebelum di sewakan. (Ibnu Qudamah, al-mughni). Pihak yang memiliki manfaat dari akad *ijarah* bebas menggunakan manfaat tersebut. Dia juga bebas menyewakannya kepada pihak lain dengan bayaran yang lebih tinggi, rendah atau sama kerana pemilikan manfaat memberinya kuasa untuk memindahkan manfaat tersebut kepada siapa sahaja yang dikehendakinya. (Ibnu Qudamah, al-syarh al-kabir) Penyewa pertama juga berhak menjual manfaat yang dimilikinya dengan akad ijarah kepada penyewa kedua. Penyewa pertama boleh memilih samada meneruskan akad ijarah dengan pemilik aset atau menarik diri dan menerima sejumlah wang dari penyewa kedua. Penyewa pertama berhak menerima sejumlah bayaran dari penyewa kedua kerana menjual hak mengambil manfaat yang dimilikinya hasil dari akad ijarah yang pertama. Penjualan tersebut menjadikan manfaat berpindah milik kepada penyewa kedua dan melahirkan hubungan secara langsung antara pemilik aset dengan penyewa kedua. (Majma' al-fiqh al-Islami al-dawliyy bil 32 (4/7).

Menurut pandangan jumbuh fuqaha, akad ijarah tidak batal walaupun aset yang di sewakan dijual atau dipindah milik kepada orang lain. (Al-mardawi, al-insof). Pemilik baharu dan penyewa tidak ada hak untuk membatalkan akad ijarah yang terkandung dalam aset yang dipindah milikkan disebabkan akad ijarah berlaku ke atas manfaat bukan fizikal aset.

Kesimpulannya ialah, apabila satu pihak membayar kepada satu pihak lain untuk mendapatkan servis perkhidmatan atau melakukan suatu pekerjaan maka pihak yang membayar telah memiliki hak *ikhtisas* ke atas manfaat atau servis tersebut. Menurut pandangan yang di kemukakan oleh imam al-Nawawi pihak yang memiliki manfaat dari akad *ijarah mausufah fi zimmah* telah memiliki hak *ikhtisas* ke atas manfaat atau servis tersebut dan bebas untuk memindahkan hak tersebut dengan menyewakannya kepada pihak lain (Raudhah al-tholibin). Hak *ikhtisas* bermaksud sesuatu yang di perolehi dari

kesan sesuatu dan ia khusus untuk pemiliknya.(al-Durayni). Menurut imam al-Nawawi juga pihak yang memiliki hak *ikhtisas* ke atas manfaat atau servis tersebut boleh membuat tuntutan jika servis atau manfaat tersebut masih belum tertunai sepenuhnya. Sekiranya pihak yang memiliki hak *ikhtisas* ke atas manfaat atau servis tersebut tidak memperoleh manfaat atau servis kerana pihak yang satu lagi di istiharkan muflis maka pihak yang memiliki hak *ikhtisas* ke atas manfaat atau servis tersebut boleh menuntut haknya bersama pemiutang-pemiutang lain. (Al-Nawawi, raudhah al-tholibin). Ini menunjukkan bahawa manfaat atau servis merupakan aset dan dianggap sebagai hutang yang boleh di tuntutan sekiranya manfaat atau servis tidak dapat di tunaikan. Kesemua ini menunjukkan bahawa manfaat atau servis yang di perolehi melalui akad ijarah atau *ijarah mausufah fi zimmah* boleh di pindah milikan dengan akad jual beli atau akad ijarah.

Rumusan dari perbincangan ini ialah *ijarah mausufah fi zimmah* boleh diertikan sebagai jualan manfaat di masa akan datang bagi tujuan mendapatkan tunai.

Servis Dan Perkhidmatan Tidak Dapat Disempurnakan

Dalam akad *Ijarah mausufah fi zimmah* sekiranya *musta'jir* telah membuat bayaran dan manfaat atau servis tidak dapat diserahkan maka *muajjir* bertanggungjawab memulangkan bayaran kepada *musta'jir* setelah di tolak kadar manfaat yang telah di perolehinya.

Pihak yang memiliki hak *ikhtisas* ke atas manfaat boleh menuntut upah atau bayaran jika manfaat, servis atau pekerjaan tidak dapat di sempurnakan melainkan jika sebab tersebut di luar kawalan. Kegagalan mendapat manfaat atau menerima servis yang telah di bayar memberi hak kepada penyewa untuk mendapatkan semula bayaran setelah di tolak manfaat atau perkhidmatan yang telah di terimanya. Sekiranya bayaran di buat kepada seorang penunjuk arah lalu kedua mereka tersesat maka penunjuk arah masih boleh menerima bayaran penuh kerana dia telah memberikan perkhidmatan atau servisnya iaitu berusaha menunjukkan arah dan dia telah pun melaksanakannya. Berlainan jika sekiranya kenderaan yang di sewa untuk mengangkut barangan rosak sebelum sampai ke destinasi. Dalam situasi kedua penyewa berhak menuntut kembali bayaran yang telah di serahkan setelah di tolak jarak perjalanan yang di tempuhinya. Begitu juga dalam situasi kenderaan yang di sewa untuk pergi ke suatu destinasi rosak sebelum sampai ke tempat yang di tuju. Dalam kes ini pemilik kenderaan berhak mendapat bayaran mengikut jarak perjalanan yang telah di tempuhinya kerana penyewa masih boleh mendapatkan kenderaan lain untuk sampai ke destinasi.⁴ Rumusannya ialah sekiranya manfaat atau servis tidak menepati spesifikasi yang telah dipersetujui, maka *musta'jir* berhak menuntut pemberi pajakan menggantikan manfaat atau servis tersebut dengan manfaat atau servis yang menepati spesifikasi yang telah dipersetujui dan bukan membatalkannya.

PENENTUAN TEMPOH MANFAAT BERBENTUK SERVIS PERKHIDMATAN

Tempoh dan jangka masa perlu di tetapkan dengan jelas beserta dengan tempoh mula sekiranya akad ijarah mempunyai tempoh masa tertentu . Tempoh penentuan permulaan dan penamatan akad ijarah boleh ditentukan mengikut uruf selagi mana penentuan tersebut dapat menghindarkan pertikaian. Terdapat ulamak yang menghadkan tempoh tertentu

⁴ Majallah ahkam al-adliyyah seksyan 554.

untuk akad ijarah namun penentuan tersebut tidak mempunyai dasar yang kukuh bahkan hanya ijtihad berdasarkan uruf semasa. Tempoh pula boleh jadi panjang atau pendek selagi mana tempoh di tetapkan dengan jelas.⁵ Akad ijarah tetap sah walaupun tidak di tentukan tempoh mula dan akhir menurut mazhab maliki dan salah satu riwayat dari imam Ahmad. Kedua-kedua pihak tidak terikat dengan akad sehinggalah penyewa membuat bayaran secara tunai maka kedua-dua mereka terikat dengan akad ijarah sekadar bayaran yang di terima dari penyewa. Menurut Ibnu Mansur salah sorang ulamak hanabilah apabila tidak terdapat penetapan tempoh dalam akad ijarah bahkan kedua mereka hanya bersetuju bahawa penyewa perlu membayar sejumlah wang setiap bulan maka kedua pihak mempunyai hak untuk menarik diri setiap kali berlalu tempoh sebulan.⁶

PENSEKURITIAN BERSANDARKAN MANFAAT, SERVIS ATAU PERKHIDMATAN

Pensekuritian adalah proses menukarkan aset yang tidak tunai atau tidak mudah di cairkan (*illiquid*) kepada instrumen atau alat kewangan yang boleh diniagakan iaitu menjadi aset yang boleh memberikan kecairan. Dalam bahasa arab pensekuritian di sebut sebagai *tawriq* sebagaimana yang di definisikan oleh Nazih Hammad, sebagai proses menukar hutang bertanggung kepada sijil hutang yang boleh dijual beli dalam pasaran sekunder.

Syeikh Dr Ali Muhyiddin al-Qaradaghi mencadangkan penggunaan istilah *taskik* التصيک daripada *tawriq* kerana penggunaan *tawriq* lebih merujuk kepada memperdagangkan hutang yang telah di sekuritkan.⁷ Menurut beliau *taskik* tidak berasaskan hutang bahkan *taskik* di dasari oleh aset dan manfaat. Selain itu manfaat tidak tertakluk kepada hukum riba kerana manfaat tidak di kategorikan sebagai item ribawi. Menurut imam al-Nawawi dan al-Rafi'i penyewa boleh melunaskan bayaran dengan dinar dan dirham walaupun aset yang di sewakan ialah emas perhiasan seperti rantai, cincin dan gelang emas atau perak (al-Nawawi, al-raudhah).

Taskik yang didasari oleh manfaat sebagaimana yang di cadangkan oleh Syeikh Dr Ali Muhyiddin al-Qaradaghi merupakan dokumen sah yang menjadi bukti terhadap pemilikan suatu aset dalam bentuk manfaat yang boleh dipindah milik dan bersifat kekal atau berjangka masa panjang. *Taskik* yang didasarkan kepada manfaat boleh di ringkaskan sebagai proses mepakejkan suatu transaksi atau akad syariah yang melahirkan hak ke atas suatu manfaat atau pekerjaan yang akan di lakukan oleh pihak yang menawarkan perkhidmatan atau servis tertentu. Pemilikan pakej tersebut bererti memiliki manfaat atau servis yang di tawarkan.

⁵ مواهب الجليل (440/5). تبين الحقائق (106/5) بدائع الصنائع (33/4)

⁶ المقنع، والشرح الكبير، والانصاف (307-304/14)

⁷ الصكوك الإسلامية " التوريق " وتطبيقاتها المعاصرة . دراسة فقهية اقتصادية تطبيقية . الدورة التاسعة عشرة إمارة الشارقة دولة الإمارات العربية المتحدة

PEMBIAYAAN PENDIDIKAN MELALUI AKAD *IJARAH MAUSUFAH FI ZIMMAH*

Pembiayaan Pendidikan bermaksud kemudahan pembiayaan bagi membiayai kos untuk mengikuti pengajian atau kursus mana-mana pusat pengajian samada di peringkat ijazah, sarjana atau diploma.

Di bawah pembiayaan berkonsepkan *ijarah mausufah fi zimma* pihak pembiayaan menawarkan pembiayaan pendidikan untuk pengajian akademik di peringkat Ijazah Kedoktoran, Ijazah Sarjana, Ijazah Sarjana Muda, Professional, Diploma yang memenuhi syarat kelayakan untuk memohon pengajian termasuk biaya diri pelajar.

Berikut ialah struktur yang di cadangkan:

Struktur pertama

1. Pembiaya menerima permohonan pembiayaan pendidikan dari pelanggan.
2. Pihak pembiaya mematerai akad *ijarah mausufah fi zimma* dengan pelanggan untuk menyediakan servis pendidikan.
3. Pihak pembiaya kemudiannya mematerai akad *ijarah mausufah fi zimma* dengan institusi pengajian.
 - *Pihak pembiaya memberi syarat kepada institusi pengajian tinggi untuk memberikan pendidikan kepada pelanggannya.*
 - *Ijarah mausufah yang pertama (antara pembiayaan dan pelanggan) tidak boleh di ikat dengan ijarah mausufah yang ke dua (antara pembiaya dan institusi pengajian) kerana khidat atau servis masih belum di tentukan sepenuhnya.*

Struktur kedua:

1. Pembiaya menerima permohonan pembiayaan pendidikan dari pelanggan.
2. Pihak pembiaya kemudiannya mematerai akad jual beli dengan institusi peganjian membeli pakej pengajian .
 - *Pada peringkat ini pihak pembiaya membeli manfaat atau servis pendidikan yang telah di pakejkan oleh institusi pengajian.*
 - *Pihak pembiaya telah memiliki sepenuhnya manfaat atau servis yang di tawarkan*
3. Pihak pembiayaan seterusnya menjual pakej tersebut kepada pelanggan secara murabahah.

PENUTUP

Terdapat banyak perkara-perkara lain yang perlu di titikberatkan dalam konsep pembiayaan pendidikan menggunakan akad *ijarah mausufah fi zimma*. Kajian-kajian terperinci perlu di lakukan untuk memurnikan lagi pembiayaan pendidikan berkonsepkan *ijarah mausufah fi zimma*. Tulisan ini hanyalah tulisan ringkas sebagai cadangan awal kepada pihak KUIS dan koperasi untuk mengorak langkah seterusnya.

BIBLIOGRAFI

- Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia. 2010. *Resolusi Syariah Dalam Kewangan Islam*. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia.
- AAOIFI. 2008. *Al-Ma'ayir Al-Syar'iyyah*. Bahrain: AAOIFI.
- Ghuddah, A. S. 2010. *Qararat wa Tawsiyyat Nadawat Al-Barakah lil Iqtisad Al-Islamiyyah min An-Nadwah Al-Ula wa hatta An-Nadwah At-Thalathin*. Saudi: Al-Barakah Banking Group.
- Ghuddah, D. A. 2007. *Dhawabit Al-Ijarah Al-Khadamat wa Thadbiqat Al-Ijarah Al-Mausufah Fi Zimmah*. (pp. 87-101). Jeddah: Albaraka Banking Group.
- Qudamah, I. 1989. *Al-Mughni*. Cairo: Hajr.
- Ahmad Muhammad Mahmud Nassar, 2009, *Dhawabit Al-Ijarah Al-Mausufah Fi Zimmah wa Thadbiqatiha fi Tamwil Al-Khadamat Fi Al-Muassasat Al-Maliyyah Al-Islamiyyah*. Nadwah al-Barakah 30.
- Dr Ali Muhyiddin al-Quradaghi 2008 *Al-Ijarah 'Ala Manafi' Al-Asy khas*. *Al-Mu'jam Al-Wasit*. 1989. Istanbul: Dar Al-Dakwah.
- Al-Nawawi 1991 *Raudah al-Talibin, Al-Maktab Al-Islami, Beirut, Lubnan*.
- Al-Khatib Al-Sharbiniy 1997 *Mughni al-Muhtaj, Dar Al-Ma'rifah, Beirut, Lubnan*.
- Al-Juzairi *Kitab al-Fiqh `ala al-Mazahib al-Arba`ah*
Majallah ahkam al-adliyyah
- Al-Minhaji al-Asyuti al-Syafie' 1996 *Jawahir al-uqud wa mu'in al-qada' wal al-muwaqqi'in wa al-syuhud*, dar al-kutub al-ilmiyyah Beirut.
- Muhammad Bin Muhammad Bin Abdul Rahman al-Maliki, 2010 *Mawahib Al-Jalil*, Dar al-Rihwan.
- Al-Kasani al-Hanafi 2003 *Badai' Al-Sonai'*, Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut.